

**Tarikh :** 20-26 Oktober 2016  
**Tema :** Menggungguli Pertanian Menggapai Reputasi Antarabangsa

**Aktiviti**

- **Penyediaan minuman sihat**  
Minuman berasaskan buah-buahan seperti nenas, pisang mentimun, mangga, minuman kesihatan berasaskan herba, air rama-rama rosele dan air mahkota dewa.
- **Terrarium** ialah teknik seni dekorasi ringkas tanaman dan bekas lutsinar yang dijadikan hiasan dalaman mempunyai unsur terapi dan juga penapis udara secara semula jadi.
- **Kokedama** ialah teknik bebola seni dekorasi menggunakan media tanpa tanah dan tali sesuai dijadikan hiasan dalaman juga penapis udara secara semula jadi.
- **Gubahan bunga** cara menghias bunga sebagai hadiah hiasan *hardscape*.
- Menggunakan kemahiran dalam bidang pertukangan kayu, peralatan kimpalan dan penggunaan alat pemotong untuk membuat struktur hiasan iaitu *box planter*, basikal hiasan dan *stepping stone*.

**Ringkasan acara**

- Pameran inovasi penyelidikan (28 pempamer fakulti dan institut).
  - Pameran ternakan
  - Jualan hasil pertanian, anak benih pokok buah-buahan dan hiasan.
  - Klinik pengembangan pertanian.
  - Jualan pelbagai
  - Pameran dan jualan pokok orkid.
  - Persembahan pentas
- Maklumat lanjut layari <http://www.upm.edu.my/>

# Pesta konvo UPM angkat bidang pertanian

**B**AGI semua universiti di negara ini, majlis konvokesyen yang diadakan saban tahun adalah bagi menyampaikan ijazah kepada pelajar yang berjaya menyempurnakan pengajian berdasarkan kursus masing-masing.

Justeru, majlis konvokesyen amat signifikan bagi meraikan kejayaan pelajar dan menjadi hari paling bahagia mereka setelah bertungkus lumus sepanjang tempoh pengajian.

Oleh kerana setiap universiti mempunyai keunikan masing-masing, maka inilah peluangnya bagi mereka memperagakan keunikan dan kelebihan tersebut memandangkan pada waktu inilah ramai pengunjung khususnya ibu bapa akan datang untuk meraikan kejayaan anak mereka.

Bagi Universiti Putra Malaysia (UPM), yang mempunyai kekuatan dalam bidang pertanian, perikanan dan penternakan serta penyelidikan mengenai bioteknologi serta pemakanan, maka inilah saatnya universiti terbabit memanfaatkan aset tersebut untuk mempromosi dan mengangkat bidang berkenaan.

Pada majlis konvokesyen kali ni, seramai 7,200 graduan terdiri daripada 500 penerima ijazah doktor falsafah (PhD); 1,788 ijazah sarjana, 4,451 (ijazah) dan 461 (diploma) akan menerima ijazah dan diploma masing-masing.

Sebagai sebuah universiti yang sebahagian besar program pengajiannya adalah berkaitan pertanian, pemakanan dan



UTUSAN MALAYSIA  
MINGGUAN MALAYSIA

bioteknologi, majlis konvokesyen ke-40 ini akan sekali lagi menjadi medan atau platform UPM memperkenalkan bidang tersebut.

Menurut Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU) UPM, **Prof. Dr. Japar Sidik Bujang**, daya tarikan pesta konvokesyen kali ini adalah jualan sebanyak 5,000 anak pokok buah-buahan termasuk pelbagai klon anak pokok durian, rambutan jambu dan nangka, yang dihasilkan oleh UPM.

“Yang menariknya anak pokok ini telah mendapat pensijilan Skim Pengesahan Bahan Tanaman iaitu telah diperiksa oleh pegawai yang kompeten.

Sijil tersebut telah memperakui anak benih klon buah-buahan yang dikeluarkan oleh UPM dijamin ketulenan baka dan kualitinya serta memenuhi standard ditetapkan Jabatan Pertanian,” katanya.

Beliau berkata, mereka yang berminat dengan produk penyelidikan tanaman UPM itu perlu mengambil kesempatan untuk datang dan membelinya.

Antara anak pokok durian yang dijual adalah jenis klon D 24, D 99 (kop kecil), D 168 (hajah hasmah) dan D 197 (raja kunyit) bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Selain itu anak pokok rambutan jenis R 191, anak pokok mangga jenis MA 224 Cok Anan,

anak pokok nangka jenis J 33 dan anak pokok jambu batu jenis GU 15 juga akan dijual dengan harga RM10 sepokok.

Harga yang ditawarkan dengan serendah RM10 bagi setiap pokok dijangka menjadi rebutan orang ramai dalam masa yang singkat.

Jualan daging lembu dan rusa di kawasan gerai jualan Putra Mart TPU di Bukit Ekspo ini juga diadakan.

Dalam masa yang sama, pameran inovasi UPM sempena ekspo pertanian dan pesta konvokesyen kali ini akan menampilkan produk yang sangat berguna kepada masyarakat terutama petani iaitu produk racun perosak mesra alam untuk penghapus siput gondang untuk tanaman padi.

Produk yang dinamakan Formulasi nano emulsi saponin dihasilkan penyelidik universiti berkenaan bagi menghapuskan ancaman siput berkenaan.

Tema ekspo pada tahun ini iaitu *Menggungguli Pertanian Menggapai Reputasi Antarabangsa* dilihat sejajar dengan matlamat UPM untuk menarik minat masyarakat supaya menjadikan aktiviti pertanian ke arah kehidupan yang lebih dinamik.

Selain itu turut ditawarkan adalah Klinik Pengembangan Pertanian yang membawakan penyediaan makanan berasaskan herba dan ulaman, botok-botok urap, selom dan takoyaki.

Peminat bunga turut berpeluang membeli orkid pelbagai spesies menarik dengan harga yang murah dalam pameran dan jualan di Astaka Orkid, Bukit Ekspo selain beberapa aktiviti turut diadakan sempena pameran itu seperti gubahan bunga.

Turut diadakan adalah pameran penyelidikan orkid, hiasan orkid dan teknik menanam, merawat serta mengelakkan jangkitan kulat pada orkid.

Pelbagai aktiviti lain membolehkan ibu bapa dan graduan menyaksikan atau mengambil bahagian dalam acara yang dijalankan termasuklah antaranya pameran ternakan, mini zoo, gerai jualan yang turut diusahakan oleh usahawan kecil dan pelajar UPM.

Selain pameran ternakan dan haiwan peliharaan dengan kerja sama TPU dan Fakulti Perubatan Veterinar, aktiviti sukan dan riadah seperti permainan tali



NO. KLON : R169  
NAMA BIASA : LYCHEE  
TARIKH DAFTAR : 17/06/1970  
JKOK ASAM

(*flyng fox*) dan bersampan juga diadakan.

Pada sebelah malam, pertandingan Rentak Putra melibatkan band antara kolej kediaman, persembahan kebudayaan oleh pelajar dan antarabangsa, persembahan artis jemputan Heliza Helmi dan Zulhafiz Gambus, pertandingan koir antara kolej kediaman dan pertandingan Mencari Bintang juga diadakan.

Matlamat asal penganjuran ekspo adalah jelas iaitu untuk meraikan graduan dan ibu bapa yang hadir menyaksikan pelajar yang menerima ijazah dan diploma masing-masing.